

## PEMBERITAHUAN

Adalah dimaklumkan bahawa selaras dengan penguatkuasaan **Perintah Kawalan Pergerakan** di bawah **Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988** dan **Akta Polis 1967** untuk tempoh **berkuatkuasa 18 hingga 31 Mac 2020**, Majlis Perbandaran Alor Gajah dengan ini mengarahkan **PENUTUPAN SERTA-MERTA** terhadap:-

- Semua premis perniagaan termasuklah premis milik Majlis Perbandaran Alor Gajah **KECUALI** pasar raya, pasar awam, kedai runcit, kedai serbaneka yang menjual barangan keperluan harian, dan kedai menjual makanan atau penjaja tetapi hanya untuk makanan yang dibawa pulang sahaja atau melalui penghantaran oleh syarikat tertentu seperti Grab Food atau Food Panda;
- Pasar malam dan pasar tani;
- Kolam renang atau taman tema air (awam / swasta / persendirian);
- Taman Rekreasi / Dewan / Gelanggang / kompleks sukan;
- Taska / Nurseri (awam / swasta);
- Bengkel;
- Pusat hiburan termasuklah pusat karaoke / pusat hiburan keluarga / kafe siber / gimnasium;
- Atau mana-mana premis lain yang diarahkan oleh pihak Majlis.

Selaras dengan arahan tersebut, premis-premis yang tersebut adalah **DITUTUP** untuk segala aktiviti. Tuan / Puan dikehendaki mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan ini bermula 18 hingga 31 Mac 2020 atau suatu tarikh lain yang akan dimaklumkan kelak.

Kegagalan tuan / puan mematuhi arahan ini akan menyebabkan lesen perniagaan Tuan / Puan boleh dibatalkan oleh pihak Majlis dan tindakan undang-undang boleh diambil.

Arahan

Yang DiPertua  
Majlis Perbandaran Alor Gajah  
17 Mac 2020